

**KAJIAN KESESUAIAN PENERAPAN PENDEKATAN
PERANCANGAN KOMUNITI DALAM PROSES PENYEDIAAN
RANCANGAN TEMPATAN**

KANG YIN YIN

**PROJEK SARJANA MUDA INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH
SARJANA MUDA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Fakulti Alam Bina,
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL, 2001

ABSTRAK

Pengalaman di beberapa negara luar telah membuktikan pendekatan perancangan komuniti (PPK) amat berjaya dalam melibatkan awam/ komuniti dalam menyediakan pelan tindakan di negara-negara luar. Pendekatan ini juga amat ditekankan dalam *Local Agenda 21* yang bermatlamatkan pembangunan mampan. Dengan ini, untuk meningkatkan kadar penyertaan komuniti dalam proses penyediaan rancangan pemajuan, kajian telah dijalankan bagi mengenalpasti sama ada pendekatan ini sesuai diterapkan.

Kajang telah dipilih sebagai kawasan kajian kerana ia sedang mengadakan program seranta untuk draf rancangan tempatannya semasa kajian dijalankan. Kajian ini dijalankan dengan mengadakan soal-selidik di kalangan pengunjung di pameran untuk program seranta Draft Rancangan Tempatan Kajang dan orang tempatan Kajang dengan 50 sampel masing-masing. Selain itu, temuramah ke atas 15 orang jururancang dari sektor awam dan swasta juga diadakan.

Penyertaan awam dalam proses penyediaan rancangan tempatan di negara ini diperuntukan di bawah Seksyen 13, Akta 172, iaitu program seranta untuk draf rancangan tempatan sebelum ia diluluskan. Walau bagaimanapun, program ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Kajian ke atas program seranta Draft Rancangan Tempatan Kajang menunjukkan kadar penyertaan yang rendah iaitu hanya 3.5% daripada jumlah penduduk dan hanya 14 borang bantahan/ maklumbalas dapat diterima. Daripada kajian ke atas orang tempatan, didapati hanya 30% daripada orang tempatan tahu tentang program ini dan hanya 10% daripada mereka mengunjungi pameran itu. Ini membuktikan bahawa publisiti yang dibuat adalah tidak menyeluruh dan kesedaran orang tempatan terhadap kepentingan rancangan tempatan masih rendah.

Selain publisiti yang kurang berkesan, peluang penyertaan yang kurang, penyertaan awam dalam bentuk pameran (*One-way*) dan tiadanya perwakilan khas juga merupakan antara faktor-faktor yang menyebabkan orang awam kurang sedar akan hak dan kepentingan penyertaan mereka dalam perancangan pembangunan. 11 orang jururancang daripada 15 orang yang ditemuramah menyatakan bahawa aras penyertaan awam dalam proses penyediaan rancangan tempatan perlu ditingkatkan satu aras daripada "menenangkan" kepada "Perkongsiannya" mengikut Tangga Penyertaan Awam Arnstein. 66% pengunjung pameran yang ditemuramah berpendapat bahawa peluang penyertaan dalam proses penyediaan rancangan tempatan adalah tidak cukup. 13 orang jururancang bersetuju untuk menerapkan PPK dalam proses penyediaan rancangan tempatan.

Bagi menggalakkan orang awam yang masih kurang sedar akan kepentingan perancangan tempatan supaya melibatkan diri dalam program berkaitan, PPK sesuai dilaksanakan. Ini adalah kerana PPK dapat mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut. Dengan ini, satu Jawatankuasa Perunding Komuniti yang terdiri daripada wakil-wakil orang awam perlu ditubuhkan bagi menyampaikan pendapat orang awam kepada Jawatankuasa Kerja Rancangan Tempatan sepanjang proses penyediaan rancangan tempatan. Selain itu, Kumpulan Kerja yang juga terdiri daripada orang awam akan dibentuk bagi melibatkan mereka secara aktif dalam penyediaan pelan tindakan/ program pelaksanaan dalam rancangan tempatan. Bilangan program seranta juga akan ditingkatkan daripada satu kali kepada tiga kali, iaitu sebelum penyediaan laporan awal, selepas penyediaan laporan teknikal dan selepas penyediaan draf rancangan tempatan. Bentuk penyertaan adalah secara "*two-ways*", contohnya forum dan taklimat yang bersesuaian dengan setiap golongan dan setiap kaum. Publisiti dan pendidikan mengenai rancangan tempatan perlu diperhebatkan lagi dengan kerjasama daripada pihak-pihak media.

Walaupun PPK telah menyediakan peluang yang banyak untuk penyertaan awam dalam proses penyediaan rancangan tempatan, tetapi keberkesanan penyertaan awam amat bergantung kepada sambutan ataupun komitmen daripada orang awam dan juga keikhlasan pihak berkuasa perancangan untuk menerima pendapat orang awam.

ABSTRACT

Experiences of some of the countries have been proved that community-planning approach (CPA) is very successful in having community/ public participation in the action plan preparation process. This approach is also being emphasized in the Local Agenda 21 that is aiming for the sustainable developing. To improve the public participation in the process of preparing the local plan in this country, a research has been carried out to see whether CPA is suitable being applied in the process.

Kajang has been chose as the study area. The research has been carried out by having interview to the participants of the exhibition of the Kajang Draf Local Plan and to the local people of Kajang, with 50 samples for each interview. Besides, there is another interview to the 15 planner from both government and non-government sector.

For Malaysia, in the preparation process of local plan, there is a public participation program (*Seranta*) on the draft local plan before it been gazetted. This is the provision in Section 13 of Act 172. However, the program is not very effective. From the research on the *Seranta* program of Kajang Local Plan, it is found that the participation rate was very low, that was only 3.5% of the total population of the planning area and there were only 14 memoranda been received. From the interview of the local people, it found that there was only 30% or the public who knew about the *Seranta* program, while only 10% of them attended the program (in exhibition form). The figures prove that the publicity on the program was poor and the public still does not aware of their right and its importance to the development planning.

Besides of the ineffective publicity, there are some main factors that cause the public does not aware of the importance of their participation in the planning process. They are including too (1) limited of public participation opportunity in the whole planning process, (2) the participation in "one-way" form (exhibition) and (3) no delegation from every group of public. 11 planners from the 15 planners who have been interviewed said that the degree of the provided public participation opportunity is at the fifth rung in the Ladder Of Participation Arnstein (1969), that is "placation", and it should be increased to sixth rung, that is "Partnership". Meanwhile, 66% from the participants that have been interviewed felt that the opportunity of public participation provided currently is not enough. 13 planners agree to apply the CPA in the local plan planning process.

So, to encourage the public to take part in the planning process, the CPA is suitable to adapt in the process, it is because the approach will help to improve the existing weaknesses. For that, a committee that is jointed by the delegates from the public and organization called Community Consultant Committee is needed. The committee will interact with the planner and the Local Plan Committee; and voice out the public needs as well as new ideas to them from time to time in the planning process. Besides, a group, which is participated by the local people and organization called Working Group needs to be formed also. It is a group that works intensively in preparing the action plan or action program in the local plan. Besides the organization change, the number of *Seranta* program also be increased to three time, that is before preparing Terms of Reference, after preparing the technical report and after preparing the draft local plan. Public will be asked to participate in "two-ways" form, such as forum and conference in different language which is suit to every races need. Publicity and some education on the development planning to the public have to do intensively with the co-operation of the media.

Although the proposed CPA provides a great opportunity of public participation in the local plan preparation process, the effectiveness of the public participation is depend on public's commitment and also the sincerity of the local authority to take consideration on the public's opinion.